

Kursi Tunku Abdul Rahman - Penghormatan Terhadap Legasi Bapa Kemerdekaan Bernama
24 Februari, 2012
Oleh Wan Shahara Ahmad Ghazali dan Rohana Mustaffa

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Nama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pastinya akan disebut berulang kali pada Kolokium Sejarah Malaysia 25 Feb ini.

Bapa Kemerdekaan negara ini sudah tentunya bakal dikaitkan dengan pelbagai peristiwa dan catatan sejarah negara oleh para anggota panel dan peserta kolokium yang bertemakan "Imbasan Sejarah Perjuangan Kemerdekaan" itu.

Jabatan Warisan Negara mengumpulkan beberapa pakar sejarah negara selain pejuang polis dan tentera dari zaman penjajahan dan zaman darurat di bawah satu bumbung bagi menceritakan sejarah perjuangan Tunku Abdul Rahman dan ramai lagi tokoh tanah air dalam usaha menegaskan susun galur peristiwa sejarah negara untuk manfaat generasi kini.

Anggota Jawatankuasa Sekretariat Kolokium, Profesor Dr Nordin Hussin berkata dalam mengkisahkan dan membincangkan cabaran perjuangan kemerdekaan negara pada kolokium itu, sekretariat melihat kepada satu daripada resolusi yang ingin dicapai iaitu mewujudkan Kursi Tunku Abdul Rahman di sebuah universiti negara ini.

"Pengwujudan Kursi Tunku Abdul Rahman diyakini akan memberi manfaat jangka panjang kepada negara memandangkan beliau ialah lambang perjuangan negara mencapai kemerdekaan selain menjadi lambang keselamatan dan perpaduan," jelas Prof Nordin.

Melalui penghormatan berkenaan, katanya, cara pemikiran Tunku Abdul Rahman yang berjaya mengasas legasi pentadbiran paling berkesan dan bermoral iaitu melalui kaedah rundingan, mesyuarat dan permuafakatan, dapat dikaji.

Corak pemikiran beliau sehingga berjaya mengatasi pelbagai cabaran dan perbezaan ideologi dunia tetapi dalam masa yang sama berjaya menyatukan Melayu dan bangsa lain bagi menguatkan negara, juga wajar dikaji, katanya.

"Kami yakin bahawa inilah masa paling tepat bagi menyediakan Kursi Tunku Abdul Rahman yang mampu membantu tampuk pemerintahan negara untuk mengatasi isu semasa, berkaitan dengan keamanan, keselamatan dan perpaduan," kata Dr Nordin, yang juga Ketua Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

LEGASI PEMERINTAHAN

Beliau berkata pengwujudan Kursi ini juga sebagai usaha memberi penghormatan sewajarnya kepada Tunku Abdul Rahman atas jasa, usaha dan pengorbanan besar beliau dalam menuntut kemerdekaan penuh untuk Malaysia, membendung ancaman komunis serta menyatupadukan rakyat dan mengukuh keselamatan negara melalui pembentukan Malaysia.

Kaedah rundingan dan mesyuarat untuk kepentingan politik dan pentadbiran adalah legasi utama yang ditinggalkan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dan dalam

meletakkan Umno sebagai parti utama negara.

Pakar sejarah yang juga pensyarah Profesor Datuk Dr Ramlah Adam menegaskan bahawa kaedah yang digunapakai Tunku Abdul Rahman itu berjaya membantu negara mencapai kemerdekaan penuh daripada pemerintahan British dan mengembalikan keamanan negara daripada kacau bilau angkara komunis.

"Legasi ini kemudian digunakan oleh setiap Perdana Menteri yang berdiri di hadapan Umno sebagai parti utama," katanya sambil menegaskan bahawa kejayaan itu sukar dicapai jika Tunku Abdul Rahman tidak bermula dengan menjadi presiden Umno.

Beliau telah mencorakkan pentadbiran negara melalui Umno yang diwarisi sehingga kini dengan cara tanpa kekerasan, sebaliknya melalui rundingan, permuafakatan dan diplomasi.

TOLAK PAKSAAN KOMUNIS

Tunku Abdul Rahman dan pengasas Umno Datuk Onn Jaafar menjadi teladan dalam mengamalkan kaedah rundingan dan mesyuarat ini yang memberi kesan besar kejayaan negara menolak penyebaran ideologi komunis yang sedang berleluasa di seluruh dunia ketika itu, kata Prof Ramlah.

"Kita tolak komunis kerana ketaksuban mereka menggunakan senjata, kekerasan dan paksaan demi kepentingan sendiri, tambahan pula budaya dalam sistem politik dan pentadbiran Melayu, tidak dapat menerima sesuatu yang keras dan bercorak paksaan," jelas beliau.

Selain itu, Tunku Abdul Rahman ialah lambang kejayaan menguruskan negara sejak 55 tahun lepas, walaupun berlaku banyak gangguan, umpamanya Peristiwa Berdarah 13 Mei 1969, tetapi dapat dibendung dengan pantas.

"Kalau di negara lain ketika itu, tidak mustahil akan berlaku keadaan huru hara yang berlanjutan yang melumpuhkan seluruh sistem negara," jelas pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini.

KESAN PAKATAN MURNI

Beliau berkata legasi kaedah pentadbiran Tunku Abdul Rahman juga menegaskan konsep pakatan murni, iaitu perkongsian kuasa yang nyata menjadi elemen penting dalam kejayaan mempertahankan keselamatan negara.

"Sebenarnya, ia adalah satu bentuk perkongsian yang sangat murni yang mana semua pihak dapat merasai kekayaan dan kemakmuran negara yang terlebih dahulu memerlukan pengorbanan besar daripada bangsa Melayu dan Raja-Raja Melayu.

"Sebagai seorang keturunan raja, Tunku Abdul Rahman menyambut baik dan menerima pengorbanan kuasa Raja-raja Melayu di tanah air sendiri hingga sanggup memberikan kerakyatan negeri dan berkongsi negara dengan bangsa lain," katanya.

Tunku Abdul Rahman juga, katanya, menyebabkan orang Melayu banyak berkorban untuk memastikan perkongsian negara ini dilakukan dalam keadaan aman dengan kaum Cina dan India.

Ramlah berkata, fakta sejarah membuktikan bahawa kuasa asal orang Melayu di negara ini

dikongsikan selepas penubuhan Jawatan kuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) pada 1949 sebagai usaha membentuk pakatan murni dengan kaum lain.

RAJA MELAYU BUKA PINTU

"Raja-Raja Melayu ketika itu diminta membuka pintu kerakyatan kepada orang luar," katanya sambil menunjukkan lakaran karikatur "Door to Nationhood" yang tertera dalam New Straits Times bertarikh 31 Mac 1951.

Ia menunjukkan karikatur Datuk Onn Jaafar, Presiden Umno ketika itu membuka pintu kerakyatan sambil diperhatikan Presiden MCA, Tan Cheng Lock, Presiden Persatuan Ceylonese Malaya, E.E.C. Thuraisingam dan seorang wakil kerajaan British.

"Ketika itu, kaum Ceylon yang banyak ditempatkan British untuk menetap di kawasan ladang," katanya.

Dr Ramlah menegaskan bahawa hasil pengorbanan yang masih diguna pakai hingga hari ini adalah bukti nyata bahawa suara sumbang yang menganggap pelbagai dasar negara seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai satu diskriminasi kaum, sama sekali tidak benar.

PERIBADI DAN HAK BANGSA

Antara lain contoh yang menunjukkan ketegasan peribadi Tunku Abdul Rahman dalam memperjuangkan hak bangsa ialah kejayaan beliau mendapatkan kemerdekaan penuh dalam tempoh kurang dua tahun selepas Parti Perikatan menang besar dalam pilihan raya pertama.

Sedangkan kerajaan British asalnya hanya bersetuju melepaskan negara secara beransur-ansur dalam tempoh sekurang-kurangnya empat tahun, kata Prof Ramlah.

Katanya, selain kejayaan menamatkan pemerintahan British tanpa pertumpahan darah, Tunku Abdul Rahman juga berkali-kali menawarkan pengampunan kepada anggota komunis meskipun mereka sering mengkhianati beliau.

Beliau sanggup menyediakan pelbagai kemudahan untuk memujuk mereka menamatkan peperangan.

Ini jelas menunjukkan keperibadian Tunku Abdul Rahman yang sanggup berkorban dalam banyak perkara kerana tidak mahu melihat pembaziran besar wang rakyat semata-mata untuk menampung kos perang dan membaiki kerosakan malah yang lebih utama menghentikan pelbagai penindasan dan kekejaman terhadap rakyat.

Oleh itu, kolokium ini dilihat sebagai platform yang paling wajar untuk mengutarakan saranan pengwujudan Kursi Tunku Abdul Rahman, bapa negara 55 tahun merdeka ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsfeatures.php?id=647775>